

107

SOALAN NO: 44

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KEENAM, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 12 MAC 18 (ISNIN)

SOALAN:

Puan Rubiah Binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan sejauh mana hukuman perintah khidmat masyarakat sebagai alternatif hukuman bagi pesalah muda telah mampu meningkatkan kesedaran dan memulihkan pesalah.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat amat prihatin terhadap keperluan pemulihan pesalah muda dalam masyarakat yang menjadi alternatif kepada pemenjaraan.

Kementerian telah menerima tanggungjawab baru untuk pelaksanaan perintah khidmat masyarakat pada awal Oktober 2006. Serentak dengan berkuat kuasanya Pindaan Kanun Tatacara Jenayah (KTJ) pada 1 Januari 2007, Bahagian Perintah Khidmat Masyarakat (PKM) di Jabatan Kebajikan Masyarakat telah ditubuhkan bagi menguatkuasakan hukuman PKM ke atas pesalah muda sebagaimana waran yang dikeluarkan oleh Mahkamah di bawah peruntukan Seksyen 293 (1)(e) KTJ. Pelaksanaan PKM bermula Januari 2008 dan kini genap 10 tahun pelaksanaannya di Malaysia.

Sepanjang 10 tahun pelaksanaan PKM, pihak JKM telah berjaya mengembalikan kesedaran pesalah muda agar tidak mengulangi

kesalahan jenayah dan pada masa sama memulihkan mereka untuk kembali ke pangkal jalan. Bagi membuktikan kejayaan ini, pada April 2016 pihak JKM telah membuat semakan PDRM tentang kes jenayah berulang ke atas pesalah yang telah tamat menjalani PKM. Daripada **1,283** pesalah muda, **90%** tidak melakukan jenayah berulang manakala **10%** lagi telah melakukan jenayah berulang. Daripada peratusan tersebut didapati **8%** daripadanya adalah penagih dadah dan **2%** terlibat dengan jenayah lain.